

Di Kelantan masih berkurangan

Sambutan atas ASN memuaskan, \$105.9j terkumpul

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menegaskan sambutan Bumiputera dalam Amanah Saham Nasional (ASN) adalah memuaskan memandangkan ia dapat mengumpul sebanyak \$105.9 juta dalam tempoh kurang dua bulan.

Bellau menambah, setakat ini seramai 561,172 orang iaitu kira-kira 14.5 peratus dari 3.8 juta orang Bumiputera yang layak, telah membeli ASN.

Tetapi, jelas bellau, jumlah wang terkumpul jika dicampur dengan pelaburan skim pendahuluan ia berjumlah \$156.4 juta.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan mulut serentak beberapa orang anggota Dewan Rakyat termasuk Encik Chan Teck Chan (BN-Kota Melaka), Haji Ampong Puyon (BN-Lubuk Sugut dan Encik Hussein Mahmud (BN-Tanah Merah).

Bellau berkata, "Sambutan terhadap ASN adalah menggalakan jika dibandingkan dengan

penjualan saham-saham pelaburan lain."

Bagaimanapun, kata bellau, sambutan kurang memuaskan di Kelantan kerana hanya 5.4 peratus atau 24,231 orang yang melabur dalam ASN. Jumlah wang terkumpul ialah \$4.6 juta.

"Saya tidak tahu mengapa jadi begini di Kelantan," ujar bellau, "dan saya berharap usaha-usaha yang gigih patut dijalankan bagi menggalakan Bumiputera di negeri itu melabur dalam ASN."

Wilayah Persekutuan mengumpul nilai saham yang tertinggi sekkali iaitu \$19.7 juta. Jumlah pelabur ialah 49,861 atau 31.18 peratus.

Negeri-negeri lain ialah Pulau Pinang seramai 41,942 orang atau 24.93 peratus pelabur dan wang terkumpul \$7.5 juta. Selangor 50,109 atau 21.04 peratus - \$13.3 juta. Pahang - 28,387 atau 19.5 peratus - \$4.4 juta.

Negeri Sembilan - 26,242 atau 19.09 peratus atau \$5.4 juta. Perak - 80,237 atau 17.68 peratus - \$13.8 juta. Johor - 78,294 atau 17.21 peratus - \$12.4 juta. Perlis - 10,401 atau 15 peratus - \$1.5 juta. Sarawak - 49,597 atau 11.6 peratus - \$6.1 juta. Kedah - 54,434 atau 11.76 peratus - \$7 juta. Melaka - 14,994 atau 10.4

peratus - \$2.5 juta. Sabah - 14,261 atau 9.4 peratus - \$4.5 juta. Trengganu - 17,602 atau 6.7 peratus - \$3.2 juta.

Menjawab soalan Encik Alias All (BN-Ulu Trengganu), Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan memang sedar ada golongan parti pembangkang yang membuat dakwah memburuk-burukkan ASN.

Tetapi, katanya, Kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan terhadap parti pembangkang ini melainkan tunggu dalam pilihanraya akan datang.

"Mereka itu akan tahu siapa yang benar dan Kerajaan akan membongkarkan muslihat dan dakwah yang mereka lemparkan sekarang," ujar bellau.

Menjawab soalan Datuk Haji Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar) bellau berkata, masalah kurang sambutan bukan disebabkan Kerajaan belum mengeluarkan fatwa.

Tetapi, tegas bellau, keadaan ini wujud disebabkan terlalu ramai orang memberi fatwa masing-masing di kampung-kampung.

Ini disambut dengan tepuk gemuruh oleh anggota Dewan dari penyokong-penyokong Kerajaan.